



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB SENATOR DATO' SETIA
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

**SEMPENA
PROGRAM JELAJAH MADANI ULAMA DAN UMARA (JMUU)
PERINGKAT ZON TIMUR (PAHANG, KELANTAN DAN
TERENGGANU) TAHUN 2025**

**PADA
28 JUN 2025 (SABTU)**

**TEMPAT
MASJID JAMEK BESERAH, KUANTAN, PAHANG**

**ANJURAN BERSAMA
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU
KELANTAN (MAIK)
JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG (JAIP)
JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)
YAYASAN ISLAM TERENGGANU (YIT)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين.
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اتَّبَعَ هُدَاهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI SEBELUM ACARA)

Ashabul Fadhilah Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

1. Ingin saya mulai pertemuan ini dengan mengajak kita semua merenung firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa ayat 100:

❁ وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَغْمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ
يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ
عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

Maksud Ayat:

“ Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang Makmur, dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah

kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun dalam semangat ukhuwah Islamiyyah dalam program Jelajah Madani Ulama dan Umara Peringkat Zon Timur bagi Negeri Pahang, Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu yang sungguh bermakna pada hari ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) selaku tuan rumah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Yayasan Islam Terengganu (YIT) yang telah menyusun atur program hari ini dengan penuh jayanya.

4. Begitu juga penghargaan saya atas komitmen jitu khususnya kepada para Murabbi Ummah yang terdiri dalam kalangan:

- i. Imam ;
- ii. Guru Takmir ;

- iii. Guru KAFA ;
- iv. Pegawai Masjid ; dan
- v. Ahli Jawatankuasa.Masjid

Hadirin Sekalian,

5. Keamanan dan keharmonian bermasyarakat menjadi pasak penting kepada kestabilan sesebuah negara. Maqasid Syariah yang meletakkan lima teras utama iaitu ~ pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta ~ hakikatnya ia tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa wujudnya persekitaran hidup masyarakat yang sejahtera.

6. Dalam erti kata lain, keamanan dan keharmonian adalah pra-syarat untuk mencapai Maqasid Syariah itu sendiri. Oleh yang demikian, membina keamanan dan keharmonian masyarakat dan negara perlu menjadi agenda penting yang mahu dicapai demi masalah masyarakat dan negara.

7. Isu ini adalah amat penting untuk diangkat sebagai topik utama yang perlu dibawa oleh para Murabbi Ummah dalam masyarakat. Ashabul Fadhilah Tuan-Tuan dan Puan-Puan selaku Murabbi Ummah perlu menjadi penyuluh dan penyatu kepada

masyarakat Islam khususnya di Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu.

8. Kita tidak mahu masyarakat terus dimomokkan dengan agenda sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan fitnah, adu domba apatah lagi lebih ekstrem sehingga ke tahap kafir-mengkafir sesama umat Islam.

9. Cukup-cukuplah masyarakat kita berantakan dan bergaduh sesama sendiri. Ia amat merugikan agama dan negara. Segala kesumat kebencian perlu dileraikan dengan nilai-nilai rahmah dan kasih sayang. Marilah kita bertekad bersama-sama membangunkan negara berasaskan nilai Islam dan nilai peradaban yang tinggi.

10. Dalam hal ini, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri begitu komited menggerakkan acuan "Membangun Malaysia MADANI" untuk memacu negara ke arah kecemerlangan dan kejayaan.

11. Sebagai sokongan padu kepada agenda YAB Perdana Menteri, saya di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

sendiri telah menggerakkan Pelan Transformasi Al-Falah 2023 - 2027 bagi agensi-agensi di bawah seliaan saya.

12. Terdapat 31 program utama merentas 5 Teras Pelan Transformasi Al-Falah dan kesemuanya disusun untuk mencapai Malaysia MADANI. Tentunya Pelan Transformasi Al-Falah ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri termasuk di Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu.

13. Inilah antara realiti semasa yang saya mahu kongsi dengan Ashabul Fadhilah para Murabbi Ummah semua. Peranan para Murabbi Ummah amat diperlukan untuk bersama-sama dengan pucuk pimpinan negara bagi mendidik dan membangunkan masyarakat dengan nilai-nilai madani yang mengangkat 6 prinsip utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

14. Marilah kita bekerja bersama-sama untuk membangunkan umat Islam yang menghayati nilai hormat dan ihsan sesama umat Islam dan juga hubungan bersama masyarakat bukan Islam.

15. Kerajaan mengambil ikhtiar menggerakkan agenda Membangun Malaysia Madani untuk menyerlahkan prinsip dan nilai selain membentuk sebuah masyarakat yang saling bertimbang rasa, bantu membantu, hidup dalam suasana harmoni, menghargai kemajmukan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan bangsa.

16. Di peringkat Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), saya telah memperkenalkan Gagasan Kalimah Toyyibah yang bertujuan untuk membentuk akhlak Islami dalam kalangan masyarakat agar dapat berkomunikasi dengan bahasa yang sopan, santun dan berhemah. Sebaliknya menjauhi perkataan yang kesat, memaki hamun, dan mendatangkan fitnah kepada agama Islam.

17. Adalah penting kepada kita untuk melahirkan generasi yang boleh menjadi qudwah hasanah kepada masyarakat. Umat Islam perlu menjadi contoh kepada masyarakat dalam membangunkan negara madani dengan sentiasa bertoleransi serta bergandingan dengan masyarakat bukan Islam berteraskan Fiqh At-Ta'ayush.

Ashabul Fadhilah Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sentiasa menghargai usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para Murabbi Ummah dalam mengurus dan mengimarahkan masjid termasuk institusi pendidikan dengan tradisi ilmu dan aktiviti bagi memberi kefahaman Islam kepada masyarakat.

19. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa meletakkan keutamaan untuk memperkasakan pembangunan dakwah serta kebajikan para Murabbi Ummah.

20. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) melalui JAKIM telah melaksanakan beberapa inisiatif iaitu penyaluran imbuhan bulanan imam, elaun guru takmir, elaun bulanan guru KAFA, Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM500.00 secara one-off dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidil Fitri sebanyak RM250.00 kepada imam, bilal, siak, guru takmir dan guru KAFA kepada para penerima di Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu bagi tahun 2025 seperti berikut:

A) Negeri Pahang:

- i) Peruntukan kewangan yang disalurkan adalah sebanyak **RM65,044,940.00** bagi **6,361** orang penerima.

B) Negeri Kelantan:

- i) Peruntukan kewangan yang disalurkan adalah sebanyak **RM104,807,150.00** bagi **8,105** orang penerima.

C) Negeri Terengganu:

- i) Peruntukan kewangan yang disalurkan adalah sebanyak **RM72,722,456.00** bagi **6,620** orang penerima.

- D)** Jumlah keseluruhan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Pahang, Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu bagi tahun 2025 ini adalah sebanyak **RM242,574,546.00** bagi **21,086** orang penerima.

21. Alhamdulillah, sepertimana yang hadirin semua maklumi, dalam pembentangan Belanjawan Madani 2025 yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, sejumlah RM2 Bilion telah diperuntukkan kepada pengurusan hal ehwal Islam bagi memperkukuh penghayatan Islam di Malaysia. Peruntukan tersebut adalah meningkat sebanyak 0.1 Bilion berbanding tahun 2024.

23. Pada masa sama, peningkatan peruntukan keseluruhan Belanjawan Madani 2025 kepada pengurusan hal ehwal Islam juga adalah bukti bahawa Kerajaan Madani amat komited untuk memperkasakan syiar Islam di Malaysia. Ia menangkis naratif Islam terancam seperti dakwaan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab. Tohmahan tersebut sengaja dibuat untuk menggambarkan Kerajaan Madani tidak mengambil berat tentang pengurusan hal ehwal Islam.

24. Saya amat berharap para Murabbi Ummah semua membantu untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada umat Islam khususnya usaha-usaha Kerajaan untuk memperkukuh Islam dan umat Islam.

Hadirin Sekalian,

25. Untuk makluman hadirin sekalian, pada hari ini insyaAllah kita akan mengumumkan penganugerahan Tokoh Mithali kepada para penerima dari kalangan imam, guru takmir dan guru KAFA yang telah berjasa dan menabur bakti membimbing dan mendidik masyarakat untuk menjadi insan berilmu dan berakhlak mulia.

26. Seramai **9 orang** penerima telah dipilih untuk kategori Anugerah Tokoh Imam Mithali, Anugerah Tokoh Guru Takmir Mithali dan Anugerah Tokoh Guru KAFA Mithali bagi Negeri Pahang, Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu.

27. Setiap penerima akan menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak **RM1,000.00** seorang dan sijil penghargaan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para penerima yang terpilih.

28. Semoga ianya menyuntik semangat kepada para murabbi ummah yang lain untuk terus gigih mendidik dan membimbing masyarakat.

29. Bersempena ketibaan tahun baharu 1447H ini, marilah bersama-sama kita berdoa agar penganjuran program ini dapat

menterjemahkan semangat kesatuan para penggerak dakwah demi kemaslahatan umat Islam. Semoga usaha kita ini sentiasa diberkati dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

30. Akhirnya, syabas dan tahniah kepada seluruh agensi di peringkat Negeri Pahang, Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu yang bekerjasama erat dalam penganjuran program pada kali ini. Tentunya hubungan akrab di antara agensi-agensi ini menjadi kekuatan kita semua.

31. Ucapan tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan juga kepada pihak JAKIM, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) selaku tuan rumah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Yayasan Islam Terengganu (YIT) yang telah menjadikan program ini berlangsung dengan jayanya.

32. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua hadirin dan hadirat yang telah hadir menjayakan majlis pada hari ini. Semoga Allah mencatatkan ia sebagai amalan soleh.

33. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Jelajah Madani Ulama dan Umara Peringkat Zon Timur bagi tahun 2025 ini.

Sekian.

وبالله التوفيق و الهداية، و السلام عليكم ورحمة الله وبركاته